

**(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut satu per satu, saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbaangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan sebelah pagi tadi, kita telah mendengar mukadimah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai dengan hala tuju dan penjelasan mengenai penyediaan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya. Oleh yang

demikian, Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini.

Maka saya akan memberikan laluan untuk Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dan seterusnya bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama nanti kemudiannya untuk menjawab ataupun memberi responsnya sebagaimana biasa.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:**  
 Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَسْفَرِ  
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِيهِ  
 أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas pembentangan belanjawan yang dikemukakan pada pagi tadi.

Kaola merujuk *trend* peningkatan kos bagi menunaikan ibadah haji di Negara Brunei Darussalam yang semakin ketara

sehingga menyebabkan ada rakyat daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana terpaksa menangguhkan dan membatalkan hasrat untuk menunaikan ibadah ini kerana peruntukan wang yang disediakan tidak mencukupi meskipun perancangan awal telah dibuat dan telah memenuhi syarat-syarat haji yang ada. Ada kalangan rakyat dengan rasa kecewa telah menyuarakan kepada 'abisikaola' bahawa dengan kadar yang sedemikian itu mereka tidak akan mampu selama-lamanya untuk menunaikan kewajipan rukun Islam yang kelima itu walaupun hanya untuk sekali dalam seumur hidup.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keluhan-keluhan ini dan kadar semasa kos bagi menunaikan ibadah haji yang masih di tahap yang tinggi ini membuatkan kaola terpanggil lagi menyuarakan isu ini dengan merujuk Tajuk yang sama yang pernah dibangkitkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Yang Ke-19 pada tahun 2023 yang lalu. Yang Berhormat telah mengemukakan cadangan-cadangan terperinci meliputi pelbagai aspek yang dapat membantu penurunan kos ini dan perbincangan-perbincangan tersebut juga 'abisikaola' kemukakan bersama beberapa agensi pengendali haji bersama dengan beberapa rakan Ahli Yang Berhormat mengenai isu ini.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama meneliti cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu dan apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh pihak kementerian dalam memastikan kos yang tinggi ini dapat dikurangkan?

Dalam usaha untuk membantu mengurangkan kos pengendalian haji ini, kaola juga sukacita menambah cadangan supaya pihak kementerian mempertimbangkan untuk memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat pengendali haji untuk mempelbagaikan jenis pakej haji yang ditawarkan.

Mengambil kira pengalaman para pemilik dan pengurus syarikat-syarikat ini, kaola percaya syarikat-syarikat mampu menyediakan pilihan-pilihan harga yang fleksibel bagi memenuhi kemampuan golongan masyarakat yang mempunyai taraf hidup yang berbeza bermula dari pakej murah, sederhana dan premium.

Namun pilihan-pilihan ini hendaklah tidak mengabaikan aspek-aspek keselamatan dan kesejahteraan jemaah. Kaola juga dimaklumkan bahawa bagi warga perkhidmatan awam yang mendapat kurnia tambang menunaikan ibadah haji, amalan yang berjalan pada masa ini ialah tiket penerbangan mereka akan dibayar terlebih dahulu oleh syarikat-syarikat pengendali haji yang mereka pilih kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Ini adalah kerana tambang yang mereka

pohonkan itu pada kebiasaannya akan diterima kemudian.

Kaola berpandangan amalan ini membebankan syarikat yang sebahagian besarnya dikendalikan oleh warga tempatan apa lagi jika mengakibatkan jumlah jemaah yang ramai. Oleh itu, kaola mencadangkan agar pembayaran tersebut dibuat terus oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Syarikat Penerbangan Di-Raja Brunei secara langsung (*direct payment*).

Akhir sekali, kaola juga difahamkan bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat lawatan ke negara-negara jiran untuk meninjau mengenai pengurusan-pengurusan yang berkaitan dengan pengendalian haji. Apakah amalan-amalan terbaik yang dapat diambil serta diserapkan dalam proses pengurusan haji di negara ini.

Perkara kedua yang ingin kaola kemukakan di sini ialah mengenai pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum yang merujuk kepada pemeliharaan ataupun promosi akal. Sekolah ugama khas adalah sistem pendidikan dan pembelajaran ugama *formal* yang unik bagi Negara Brunei Darussalam. Kewujudan persekolahan ugama selama lebih 60 tahun dalam sistem pendidikan kita menjadikannya sebatи di hati masyarakat Islam tempatan dan juga warga asing yang bermastautin di negara ini.

Kerana itu, apabila sistem pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum diisyiharkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan untuk dilaksanakan bermula Rabu, 17 Rabiulakhir 1445 bersamaan 1 November 2023 yang lalu. Banyak maklum balas mengenainya berupa sokongan, keluhan, bantahan dan juga cadangan yang disuarakan oleh masyarakat awam di media-media sosial. Kaola pasti maklum balas ini bukanlah bermaksud untuk menolak sebarang pembaharuan ataupun perubahan. Namun, ia menunjukkan tahap kesedaran masyarakat khususnya para ibu bapa dan penjaga termasuk golongan pendidik sendiri mengenai kepentingan sekolah ugama dan juga kekhawatiran mereka bahawa perubahan ini akan memberi kesan ke atas hasil pembelajaran ugama anak-anak mereka. Kita masih di peringkat awal perlaksanaan sistem ini, baru 3 bulan sejak ia diperkenalkan pada November yang lalu. Masih banyak peluang dan ruang untuk melaksanakan pemberian-pembentukan bagi memperkasakan pendidikan ugama di negara ini dan merealisasikan objektif yang diharatkannya daripada perubahan ini.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

الحمد لله objektif sistem integrasi ini memfokuskan penjagaan kesejahteraan pelajar dan peningkatan *efficiency* pembelajaran mengenai pengurangan beban kerja dan masa keberadaan

pelajar di sekolah serta pengurangan waktu persekolahan.

Di samping itu, peningkatan keseimbangan hidup dan kesihatan mental pelajar juga menjadi keutamaan. Kaola dimaklumkan bahawa dalam usaha untuk melaksanakan sistem ini, penyelaras-an-penyelaras-an telah dibuat pada beberapa aspek dalam kurikulum pendidikan ugama antaranya pengurangan jumlah waktu pembelajaran, pengemaskinian tajuk-tajuk pelajaran, perubahan nama mata pelajaran dan komponen-komponen mata pelajaran diajarkan, peruntukan waktu mengajar bagi setiap mata pelajaran waktu persekolahan dan seterusnya waktu bekerja guru-guru ugama.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola jelaskan di sini sedikit perbezaan ketara yang terdapat pada kedua-dua sistem ini di mana dalam sistem integrasi ini, masa keberadaan pelajar di sekolah adalah sekurang-kurangnya 7 jam 45 minit iaitu dikira dari seawal pukul 7.15 pagi di mana kebiasaannya pelajar sudah sampai di sekolah kerana pembelajaran akan bermula pada 7.30 sehingga ke pukul 3.00 petang setelah selesai waktu pembelajaran dan masa untuk pulang ke rumah. Jumlah ini termasuk waktu rehat makan tengahari di mana para pelajar akan tetap berada di sekolah. Pergaulan pelajar dalam sistem ini terhad bersama dengan rakan-rakan kelas yang sama sepanjang waktu

pembelajaran dan pelajar memakai seragam sekolah yang sama dari pagi sehingga ke petang.

Manakala sebelum sistem integrasi ini dilaksanakan, pelajar mengikuti 2 sistem persekolahan. Iaitu sekolah umum dari pukul 7.15 pagi sehingga 12.00 tengahari dan sekolah ugama dari pukul 1.30 petang hingga 3.30 petang, menjadikan jumlah keberadaan pelajar di kedua-dua sekolah ini ialah 7 jam 15 minit. Ini tidak termasuk waktu rehat tengahari pelajar selama 1 jam kerana pada waktu rehat itu pelajar akan balik atau keluar bersama ibu bapa ataupun penjaga untuk rehat makan dan berganti pakaian seragam sekolah ugama dan pergaulan pelajar lebih meluas meliputi rakan-rakan dari kedua-dua sistem persekolahan ini. Penelitian kaola mendapati bahawa masa keberadaan pelajar di sekolah tidak jauh berbeza antara kedua-dua sistem ini.

Soalan kaola, bagaimanakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan menilai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dapat menjayakan sistem integrasi ini tanpa membebankan mana-mana pihak yang lain sama ada pelajar guru ibu bapa dan penjaga. Daripada penilaian yang dibuat itu, apakah strategi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk menambah baik proses perlaksanaan sistem ini.

Kaola juga dimaklumkan bahawa bahan-bahan kurikulum seperti sukan pelajaran dan buku-buku teks bagi

sistem ini masih dalam proses penyusunan. Oleh itu, mengambil kira kepentingan bahan-bahan tersebut dalam sistem pendidikan maka harapan kaola supaya ia disegerakan tanpa mengurangkan sedikit pun kualiti dan keberkesannya terhadap hasil pembelajaran ugama para pelajar.

Dengan sistem perlaksanaan sistem ini, kaola juga mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai tempoh Pendidikan Ugama Wajib. Adakah tempoh itu akan dikemas kini? Ini mengambil kira tempoh pendidikan ugama yang wajib yang termaktub dalam Bab 5 Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 ialah tempoh pendidikan ugama yang disediakan di sebuah sekolah ugama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam kesempatan ini juga kaola ingin mengongsikan sebahagian aduan-aduan yang terdapat di media sosial dan yang dikongsikan secara langsung kepada kaola untuk diteliti dan ditangani bersama dengan segera oleh pihak-pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan bagi memastikan sistem baharu ini mendapat sokongan semua pihak yang berkepentingan. Antaranya tidak ada kemudahan-kemudahan tempat mengambil wudhu dan bilik atau dewan solat di sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah swasta.

Untuk perancangan jangka panjang, kemudahan prasarana ini hendaklah

dijadikan salah satu syarat dalam pembinaan sekolah-sekolah baharu. Kedua, tidak semua pelajar yang berugama Islam menunaikan solat Zuhur semasa berada di sekolah pada waktu tengahari.

Perkara solat ini adalah amalan fardhu yang mesti diambil serius lebih-lebih lagi di peringkat umur yang muda ini. Oleh itu, perlunya pihak sekolah untuk mewajibkan setiap pelajar Islam yang tidak balik tengah hari untuk menunaikan solat fardhu Zuhur di sekolah secara sukarela. Maksud kaola, bukannya dipaksa melalui inisiatif-inisiatif bercorak pendidikan yang memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kewajipan ini. Isu seterusnya juga berkaitan pengawasan pelajar semasa waktu solat zohor tertumpu sebahagian besarnya kepada guru-guru ugama. Dalam hal ini, penyusunan jadual pengawasan yang ada bolehlah dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan melibatkan semua guru untuk diberikan tanggungjawab mengawas pelajar secara bergilir dan tidak mengehadkannya kepada guru ugama semata-mata.

Terdapat juga sekolah yang mengehadkan guru-guru ugama daripada menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah. Perkara ini pada pandangan kaola tidak sepatutnya terjadi meskipun guru-guru tersebut di bawah kawalan kementerian yang berbeza. Guru ugama juga sebahagian dari penjawat awam dan warga sekolah yang berkenaan.

Oleh itu adalah diharapkan agar pihak-pihak yang berkaitan daripada kedua-dua kementerian meneliti isu ini dan memberikan pencerahan kepada pemimpin-pemimpin sekolah bahawa semua kelengkapan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah hak bersama guru-guru sama ada yang mengajar mata pelajaran umum ataupun mata pelajaran ugama.

Akhir sekali, kaola juga suacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan menubuhkan Jawatankuasa Khas Bebas yang keahliannya terdiri dari ahli-ahli ugama atau pakar-pakar akademik dan wakil-wakil daripada persatuan-persatuan yang sudah terkenal seperti PGGMB dan PUJA dan wakil dari para ibubapa yang tidak terikat dengan mana-mana daripada dua kementerian ini.

Jawatankuasa ini diberikan tanggungjawab untuk menilai perkembangan pelaksanaan sistem integrasi ini dari aspek-aspek yang berbeza dan mencadangkan pembaikan-pembaikan yang difikirkan perlu untuk menjayakan pelaksanaannya.

Laporan perkembangan dan penambahbaikan ini kaola cadangkan untuk dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri selaku kementerian peneraju kepada perkembangan dan penambahbaikan sistem ini untuk memastikan kejayaannya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ** Yang Berhormat Pengerusi, kaola sangat menghargai saranan-saranan Yang Berhormat tersebut dan kaola berharap kaola dan pegawai yang berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Ugama akan membaca melalui Laporan Penuh (Hansard) nanti, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ إِنْ شَاءَ اللّٰهُ. Setakat apa yang sempat kaola fahami di sini, sangat berharga untuk dipertimbangkan selain daripada untuk difikirkan juga sejauh mana kesesuaiannya. Ada dua perkara besar iaitu tema mengenai haji dan yang kedua mengenai pengintegrasian.

Mengenai haji itu, Yang Berhormat sendiri pun sudah mengetahui perkara ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat musim yang lalu pada tahun lepas. Adakah cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir dijadikan kajian tetapi dapat kaola katakan bahawa kaola tidak pasti apakah secara harsi satu persatu cadangan-cadangan itu dikaji tetapi cadangan daripada majlis ini mendorong Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil inisiatif-inisiatif ke arah apa yang dihajatkan.

Yang pasti setakat yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara itu ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan sebuah jawatankuasa *adhoc*, yang mana jawatankuasa itu melibatkan bukan

sahaja kementerian tetapi melibatkan pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam mesyuaratnya yang sudah diadakan 2 kali pada 7 Oktober dan 11 November 2023, ia meneliti *terms of reference*, jawatankuasa tersebut meneliti sehalus-halusnya harga pakej haji dan menilainya secara menyeluruh.

Yang kedua, mencari satu kaedah bagi menangani kenaikan harga pakej haji yang boleh meringankan beban kewangan bakal jemaah haji serta masih mengekalkan perkhidmatan pakej haji yang terbaik untuk jemaah haji.

Dalam ucapan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam tadi ada menyentuh mengenai perkara ini. Satu, mengenai penilaian pada keseluruhannya dan rakan-rakan Yang Berhormat juga dalam lawatan muhibah ke *Royal Brunei (RB)* sebagai pemudah cara bagi penerbangan dan agensi-agensi juga sudah mendapatkan *feedback* daripada mereka. Demikianlah juga *feedback* yang telah diterima oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diterjemahkan atau dikaji juga di dalam jawatankuasa ini untuk kemudahannya.

Bersama-sama lah kita memahami, walaupun nanti kaola dapat menerangkan ada juga kejayaan-kejayaannya, kesan daripada perjumpaan dan pendapat ini mengurangkan sedikit tapi tidaklah begitu signifikan.

Apa yang penting diketahui mengenai haji faktor yang tidak dapat kita kawal ialah faktor tempat tinggal iaitu hotel di Mekah/Madinah dan juga Arafah dan Mina. Kita tidak dapat mengawal harganya tetapi kita boleh *negotiate*. Kita berjaya membuat perundingan akhirnya diturunkan sedikit walaupun tidaklah begitu signifikan kerana kita berbeza daripada jemaah negara-negara jiran yang kita lawat ataupun sama-sama berunding bersama pegawai-pegawai haji yang berkenaan. Kita memilih pakej tempat tinggal (*hotel*) yang sudah dalam sifir-sifirnya dari dahulu tidak lebih dari 500 meter daripada Masjidil Haram, sama juga dengan di Madinah.

Yang kedua, *transport*. Pengangkutan digunakan sepanjang masa dari hotel ke hotel, ke Arafah dan ke Mina, balik semula dan sebagainya. Ini di luar kawalan kita. Hal seperti ini ialah perbezaan yang ketara dan jelas, kita memilih satu cara pendekatan tempat tinggal yang bagi kita menjamin kemudahan jemaah-jemaah haji menunaikan haji ertinya dalam lingkungan 500 meter daripada Masjidil Haram dan di Madinah untuk memudahkan mereka datang ke masjid.

Di luar daripada itu, tempat yang jauh ada diperkenalkan oleh pakej-pakej luar negeri kepada jemaah-jemaah mereka seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia. Mereka tinggal jauh di luar tanah haram misalnya dan dengan sendirinya murahlah perbelanjaan hotelnya. Mereka juga mengadakan satu kaedah iaitu mereka datang hampir-

hampir waktu wukuf dan mereka tinggal di tempat yang jauh ini, lalu apabaila selepas wukuf dan di Mina, balik semula ke Mekah, mereka berpindah ke hotel-hotel yang dikosongkan oleh jemaah-jemaah yang berdekatan. Jadi, pengurusan yang bijak dan rapi.

Seterusnya mereka ke Madinah, hotel-hotel yang memang lebih daripada 500 meter, ada yang dalam lingkungan 500 meter tetapi sewanya pada masa itu sudah dikurangkan. Tetapi, kita tidak dapat sama sekali bertolak-ansur bagi menjaga kebaikan jemaah, kesejahteraan dan keselamatan bagi penempatan di Arafah dan Mina. Sesiapa yang sempat mengerjakan Haji dalam tahun 70-an atau 60-an semasa di Mina dan Arafah, tidurnya di atas tanah yang kebetulan kalau ada masih batu-batu tinggi, dialas dengan bantal jadi itulah bantal yang kedua. Malah di kawasan-kawasan pemeliharaan haiwan kambing dan sebagainya.

Ini masih terjadi lagi bagi jemaah-jemaah di luar negeri yang sanggup dengan bayaran-bayaran tersebut. Tapi, kita pernah juga memperkenalkan ini kira-kira berbelasan tahun yang lalu. Tapi kerana kita sendiri terutama sekali pihak yang berkenaan memerhatikan kesejahteraan dan keselesaan jemaah-jemaah dan sebagainya, dan berpunca juga daripada *complain* jemaah-jemaah sendiri, maka inilah pakej yang sekarang ini diperkenalkan, jarak 500 meter dari tempat tinggal dengan Masjidil Haram dan Madinah dan tempat tinggal di Masy'a'ir atau di Arafah dan Mina itu

adalah tempat yang bukan sahaja selamat malah selesa seperti sekarang ini. Jadi, itu faktor-faktornya.

Tapi, faktor-faktor yang sedang diusahakan oleh *Adhoc* dan Yang Berhormat dengan menemui RB dan agensi-agensi operator yang sanggup menawarkan pakej jika dibenarkan iaitu menawarkan pakej di bawah ekonomi dan sedikit di bawah premium. Jika ditanyakan kepada operator, ia boleh sahaja melaksanakannya kalau ada jemaah-jemaah yang mahu.

Tapi, kita dari segi kerajaan yang sentiasa memikirkan kepentingan memelihara kesejahteraan jemaah, belum dapat ‘mengakun’ akan bersedia menerima apa juga tawaran-tawaran daripada operator-operator yang memberikan tawaran-tawaran sedemikian. Pertama disebabkan kesejahteraan dan yang kedua akan melibatkan pengurusan. Kita tidak membiarkan jemaah yang sampai ke Tanah Suci itu ‘pandai-pandai sendiri’ kerana pihak kerajaan dalam pengurusan hal ehwal haji, semasa jemaah sampai di sana, tetap dipelihara kesihatannya dengan menyediakan klinik.

Jadi, jika klinik itu jauh terpaksa membuat klinik sendiri, bukan lagi klinik biasa kerana terpaksa membuat tambahan seorang lagi pegawai. Berbanding dengan apa yang ada sekarang ini, kos yang akan ditanggung oleh kerajaan adalah tinggi. Kos dari segi kesejahteraan jemaah tidak dapat dijamin walaupun kos dari segi mata

wang adalah rendah dan sebagainya. Itulah yang sedang difikirkan Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi, mudah-mudahan pemikiran ke arah ini akan terus berlebar dan <sup>إِنْ شَاءَ اللَّهُ</sup> sedapatan mana yang mungkin, *ad hoc* ini akan membuatkan rumusan-rumusan yang dapat kitakekalkan kesejahteraan dan keselamatan serta dalam masa yang sama, apa yang ditawarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu boleh ditimbangkan atau tidak mengikut kesesuaianya pada masa hadapan. Itulah yang secara umumnya mengenai Haji Yang Berhormat Pengerusi.

Masuk kepada pengintegrasian, kaola memang tertarik. Yang Berhormat Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam ialah bekas **Pemangku Pengarah Jabatan Pengajian Islam** sehingga pencen dalam jawatan tersebut. Jadi, beliau memang sangat mahir dan mengetahui hal-hal persekolahan dan pendidikan agama. Segala saranan yang dikemukakan itu akan dapat kaola baca melalui Laporan Penuh (Hansard) *hansard*, <sup>إِنْ شَاءَ اللَّهُ</sup>

Dalam masa yang sama, kaola ingin menyatakan bahawa pengintegrasian ini dimulakan pada 1 November 2023. Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan memaklumkan pelaksanaannya tidak sampai sebulan. Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima perintah untuk pelaksanaan ini pada 11 Oktober 2023.

Jadi sebagai satu inisiatif baharu, kementerian hanya melihat 2 perkara

yang difikirkan di sana. Jelasnya, apakah impak integrasi ini kepada mutu pembelajaran dan masa depan sekolah agama bila masih disebut lagi akan ada darjah 4, 5 dan 6, di bawah daripada itu adalah diintegrasikan.

Jadi, 2 perkara ini walaupun menjadi keimbangan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, tapi, kementerian melihat inisiatif ini boleh dicuba dan terus disokong sepenuhnya bersama dengan Kementerian Pendidikan. Dalam pelaksanaannya, memang dikehendaki kedua kementerian untuk bersatu dan bersepada dalam memikirkan hal-hal pelaksanaannya serta impak-impak persediaan dan pertukarannya bagi mencapai maksud. Ertinya jangan membebankan kanak-kanak dari segi masa dan isi pelajaran. Jadi, semua ini telah difikirkan dan sekarang ini dari segi masa, memang ada kurang sedikit daripada sekolah agama dan itulah yang dikehendaki.

Kedua dari segi *preparation* pembelajaran, walaupun tadi dikatakan supaya disegerakan, sebenarnya memang kita sudah cuba dengan segera dalam 4 ke 5 bulan <sup>إِنْ شَاءَ اللَّهُ</sup> mana yang secepatnya. Tapi, ia sudah dilakukan dari segi kurikulum, *syllabus* dan perisianya sudah diambil kira.

Kemudian, dari segi prasarana. Dari awal pelaksanaannya, ‘abiskoala’ bersama pegawai-pegawai melihat prasarana sambil ‘berunding’ dengan pihak-pihak sekolah. Peringkat menteri juga ke sekolah-sekolah swasta dan

sebagainya. Kedua-dua kementerian bergerak sama-sama.

Memang didapati keperluan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan seperti tempat berwudu. Memang tidak bersedia sepenuhnya jika bangunan itu bangunan guna sama. Guna sama maknanya bangunan kepunyaan Kementerian Pendidikan. tetapi bagi menampung penggunaan sekolah agama memang di sana itu akan ada kemudahan-kemudahan, walaupun kemudahan dari segi bilik sembahyang yang diperlukan bagi amali dan sebagainya. Cuma menggunakan kelas-kelas ataupun kalau secara berjemaah mereka memerlukan dewan-dewan yang ada, tetapi tidak semuanya ada tempat sembahyang yang khusus.

Yang kedua, tempat berwudhu ada yang tidak mencukupi terutama sekali yang nampak tidak bersedia selama ini ialah di sekolah-sekolah *private* dan sebagainya. Jadi, hal-hal seperti ini cuba diatasi dalam masa yang singkat. Misalannya dalam era pelajaran agama bersepada dengan Kementerian Pendidikan.

Dalam era tersebut terdapat beberapa prasarana yang telah disiapkan tetapi setelah era itu berlalu, seperti bilik berwudu dan sebagainya memang tidak ada lagi. Jadi bila direvisit tempat itu, didapati sudah bertukar penggunaannya, bukan lagi bilik untuk berwudu. Kalau 'kitani' lihat, 'kitani' terpaksa membuat semula hal-hal seperti ini.

Jadi, 'kitani' tidak juga mengabaikan pelaksanaannya. Sekarang ini jawatankuasa yang berkenaan sentiasa membuat pemantauan di peringkat pegawai, di peringkat jawatankuasa antara 2 buah kementerian, peringkat jawatankuasa yang bersara, di peringkat bersama menteri, antara jabatan bersama jabatan yang lain akan terus mengawal.

Respons daripada orang ramai akan sentiasa dipantau buat masa ini. Itu yang sebaiknya, seperti itu akan berguna untuk dipantau dan kalau yang di media sosial turut dipantau juga.

Jadi, sejauh mana cadangan bagi pemberian? Terdapat dua perkara tadi disebutkan. Adakah sambutan itu berupa keluhan, bantahan atau sokongan? Jadi, ini yang kita lihat. Kalau dalam kategori-kategori ini, kalau dilihat sejauh mana sokongan bagi mengemukakan saranansaran yang *constructive*. Saranansaran juga boleh berbentuk bantahan yang dikira sebagai alternatif. Kalau yang sekadar keluhan-keluhan, inilah yang sangat dihargai untuk didengarkan melalui saluran-saluran yang betul.  
إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Impak yang menjadi *concern* kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa diminta untuk melaksanakan pengintegrasian yang kaola sebutkan tadi adalah mengenai nasib Darjah 4, 5 dan 6 (Sekolah Ugama). Jadi, *الْحَمْدُ لِلَّهِ* perkara itu sudah dijelaskan tidak lama dari tempoh pelaksanaan, tidak sampai 2 atau 3 bulan dari awal pelaksanaannya.

Terdapat penjelasan yang sangat jelas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah dalam keberangkatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama. Titah tersebut selain daripada menjelaskan maksud pengintegrasian, apa yang muhau dikehendaki dan dicapai.

Yang kedua adalah mengenai bentuknya. Apakah ia tertutup? Tidak muhau mendengar apa-apa lagi, jalankan saja. Ia jelas daripada titah, terbuka untuk menerima apa-apa dan terbuka juga melihat kepada masa depannya, apa yang terbaik untuknya.

Kaola dapat memetik dari sini penggunaannya, "Beta terpanggil untuk menyebut sedikit lagi mengenai pengintegrasian pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum bagi penuntut-penuntut di peringkat Pra hingga Darjah 3 (Sekolah Ugama). Langkah ini adalah semata-mata bertujuan baik untuk penyesuaian supaya tidak terlalu membebangkan atau memberatkan kepada penuntut kerana jika terus-menerus boleh membebangkan atau memberatkan, maka perkara itu dikhuatiri boleh membawa kepada gangguan emosi atau mental. Bukan maksudnya pelajaran ugama merosakkan mental. Dengan langkah ini tidak bererti kita menutup pintu untuk menilai dari masa ke semasa akan kesesuaianya".

Kebijaksanaan raja 'kitani' dalam perkara ini. Sekarang ini bergilir dalam pelaksanaannya mengenai impaknya dan sebagainya. Semua difikirkan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, itulah raja 'kitani' Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya 2 buah kementerian berfikir, menimbang segala-galanya perkara ini.

"Dengan itu juga disebutkan di sini kerajaan beta akan terus menerus memerhatikan perjalanan atau pelaksanaan sistem ini. Maka untuk itu beta mengamanahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan untuk sama-sama memantau dan membuat penilaian saksama mengenainya."

Mengenai sekolah ugama, "Sehubungan dengan itu pula, perlu beta tegaskan bahawa tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah ugama. Sekolah ugama adalah rangkaian dari MIB dan salah satu jati diri negara yang kita banggakan. Hanya apa yang beta mahukan terhadap sekolah ugama ialah dikemaskinikan sistemnya, yang ini mustahak."

Perkara ini, apabila Kementerian Hal Ehwal Ugama membawa isu pengintegrasian ke dalam Majlis Ugama Islam Brunei untuk sama-sama mendapatkan input daripada Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam Brunei sambil menyokong dan menyanjung tinggi usaha ini. Dalam masa yang sama juga

berharap sebagaimana yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilaksanakan dengan sempurna.

Yang kedua, bagi masa depan sekolah ugama dan diputuskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Juga turut diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memikirkan penyusunan semula sekolah ugama yang ada. Itu yang kaola dapat nyatakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf kaola panjang lebar menjelaskan mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai beberapa perkara penting yang telah dipersoalkan dan dibawa oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam. Berkenaan perkara pertama, saya juga ingin mendengar daripada pihak yang mengelolakan urusan penerbangan, *RBA*. Apakah kedudukan *RBA* mengenai dengan harga yang tinggi berhubung dengan penerbangan ke tanah suci ini sama ada bagi jemaah yang akan menunaikan Fardhu Haji mahupun yang setakat ini mengerjakan ibadah Umrah.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Dalam catatan yang diberikan oleh *adhoc committee*, Syarikat

Penerbangan Diraja Brunei (*RBA*) harga tiket penerbangan haji pada tahun ini diturunkan sebanyak \$145.00. Jadi, apakah ia *significant* untuk menurunkan harga? 'Kitani' lihat hal ini sebagai satu yang dinamik ﴿إِنْ شَاءَ اللَّهُ﴾ Yang Berhormat Pengerusi. Kemudian syarikat *RBA* telah menawarkan harga tiket penerbangan yang lebih murah daripada sebelumnya. Harganya \$3,345.00 setelah diturunkan. Kemudian syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji telah menawarkan pakej seperti tadi itu. Tapi setakat ini penilaian kepada tawaran-tawaran yang itulah sebagaimana yang kaola nyatakan Yang Berhormat Pengerusi.

Belum ada penyediaan pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menerima saranan-saranan menggunakan pakej-pakej yang murah dalam keadaan tidak jelas keterjaminan, kesejahteraan jemaah serta keselamatannya termasuk hal-hal pengurusannya dan sebagainya.

Kemudian dari segi pakej haji di Masyair itu pun juga dapat dirunding, dapatlah ditawarkannya. Itu pun tidak *significant* masih lagi tinggi tapi itulah yang patut 'kitani' bayar kerana tempatnya memanglah untuk menjamin keselamatan ﴿إِنْ شَاءَ اللَّهُ﴾. Tapi masih lagi dalam usaha.

Kemudian ada lagi berbagai-bagai 'pemikiran' bagaimana subsidi atau *top-up* dan sebagainya, itu masih lagi dalam pemikiran-pemikiran sebagaimana jua di lapangan orang ramai pun *expect* hal-

hal sedemikian itu akan terjadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang kita beralih pula kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَلَّمَتْ مُحَمَّدٌ وَغَلَّى إِلَيْهِ وَصَحَّبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْهِمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ada 2 soalan.

1. Mengenai asnaf zakat. Merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada Muzakarah Tahun 2023 mengenai peningkatan jumlah asnaf dan kadar kutipan zakat yang mendatar. Kaola mengambil maklum mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) pihak kementerian bagi memproses permohonan zakat adalah melebihi 90 hari bekerja iaitu satu jangka waktu yang agak panjang, kira-kira 4 bulan. Kaola juga dimaklumkan ada permohonan yang mengambil masa sehingga lebih 6 bulan sebelum ia diluluskan. Oleh itu kaola mencadangkan:

i. Pihak kementerian meneliti semula semua proses pengurusan zakat yang

digunakan ketika ini dari awal permohonan sehingga pengagihan zakat dilaksanakan. Ini adalah untuk mengurangkan TPOR yang sedia ada.;

- ii. Jenis-jenis bantuan hendaklah diteliti semula mengambil kira keperluan semasa. Oleh itu, satu garis panduan (*guidelines*) yang jelas mengenainya hendaklah disediakan.; dan
- iii. Untuk memastikan kesaksamaan pembahagian jenis bantuan, maka dicadangkan juga supaya bantuan dihadkan kepada 3 jenis sahaja daripada 5 jenis yang ada ketika ini. Mengambil kira peningkatan jumlah asnaf, adalah dicadangkan supaya setiap permohonan disiasat dengan teliti melalui pelbagai pendekatan, antaranya mengadakan lawatan dan temu duga. Ini bertujuan untuk mengesahkan status pemohon serta memastikan kategori bantuan yang dapat diberikan bagi membolehkan mereka mengupayakan diri dan menaikkan taraf hidup serta seterusnya mengeluarkan diri dari kepompong kemiskinan.

Dalam Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu telah dibangkitkan persoalan mengenai usaha kementerian melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ).

Sehubungan itu, mohon pencerahan mengenai:

- i. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai melalui program ini.; dan
  - ii. Berapakah jumlah asnaf yang telah berjaya keluar dari kemiskinan menerusi program ini?
2. Mengenai Pelancongan Islam. Kaola berpendapat bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama boleh memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan menerokai Sektor Pelancongan Islam. Mengikut *Global Muslim Travel Index* 2023, Asia kekal sebagai destinasi nombor 1 bagi para pelancong muslim, menyumbang hampir 60% daripada kedatangan orang Islam. Sebagai satu-satunya Negara Melayu Islam Beraja di dunia, Negara Brunei Darussalam mempunyai keistimewaan tersendiri untuk mempromosikan pelancong Islam yang menarik bagi keluarga dan pelancong solo yang berugama Islam dan yang berminat dengan sejarah Islam. Usaha ini boleh menolong memperluaskan Sektor Pelancongan dan membantu dalam mencapai kepelbagaian ekonomi yang diinginkan. Kaola mencadangkan 3 strategi:
- i. Salah satu strategi ialah dengan meningkatkan anjuran pameran seni dan budaya Islam seperti

pameran kaligrafi dan kesenian Islam. Selain itu, negara kita mempunyai tokoh-tokoh agama bertauliah yang mempunyai prestasi cemerlang. Mereka boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti forum dan seminar yang dapat memberikan manfaat besar dalam mempromosikan pelancongan Islam di Brunei. Di samping itu, kita juga menjalani hubungan baik dengan negara-negara jiran Islam seperti Malaysia dan Indonesia yang memiliki tokoh-tokoh agama yang terkenal. Kerjasama dengan mereka dapat membantu memperluas dan meningkatkan kualiti aktiviti-aktiviti yang mempermosikan Brunei sebagai destinasi pelancongan Islam.;

- ii. Seterusnya, kekayaan warisan Islam di Brunei termasuk bangunan-bangunan dan masjid-masjid bersejarah yang boleh menjadi tumpuan utama dalam usaha mempromosikan pelancongan Islam. Sebagai contoh, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah berpotensi untuk menjadikan tarikan pelancong-pelancong Islam dan bukan Islam di negara ini. Masjid Omar Ali Saifuddien dan Jame' Asr Hassanal Bolkiah juga dilihat sebagai antara masjid yang

cantik di Asia Pasifik yang dapat menarik minat pelancongan dari seluruh dunia. Lebih lagi Institusi Pengajian Islam seperti universiti, sekolah-sekolah arab dan Institut Tahfiz juga boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan program pendidikan. Semua ini boleh dijadikan tarikan dalam mempromosikan pelancongan Islam kepada pelancong yang berminat untuk mempelajari budaya, tadisi dan warisan Islam.;

- iii. Dengan itu, kaola mencadangkan penubuhan satu *taskforce* yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menilai dan merealisasikan peluang ini.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.  
وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّكَاتُهُ  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada rakan sepermesyuaratan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty.

Ada 2 perkara yang berhubung dengan zakat asnaf dan pelaksanaan pengurusannya. Kemudian ada beberapa saranan-saranan yang kaola rasa relevan, walau bagaimanapun saranan-saranan itu ada tersedia dalam kertas yang diberikan

kepada kaola oleh bahagian zakat sebenarnya, tetapi kaola tidak akan membaca dan meringkaskan sahaja.

Dari segi zakat, mengenai usaha-usaha untuk mengatasi kelambatan dan sebagainya, ialah dari segi pengurusan dan sebagainya. Hal ini termasuklah TPOR dan sebagainya dan termasuklah juga panduan-panduan untuk mengenal pasti apa yang boleh dikatakan asnaf, kemudian jenis-jenis bantuan yang dapat dilakukan. Walaupun pada masa ini, sebelum garis panduan itu ada, sudah ada pelaksanaanya.

Misalannya pada masa dulu, semata-mata yang ditumpukan kepada keperluan asasi dan juga pendidikan anak. Kemudian dilihat kepada ada keperluan lagi, walaupun masanya masih bekerja dulu misalnya suami masih bekerja pendapatan tidak mencukupi, maka ia 'ditampung' dengan asasnya. Kemudian pelajaran sekolah anak juga diambil kira. Tetapi sudah dikira setelah ia bersara misalnya, didapati kekurangannya semakin tinggi, maka diadakanlah tambahan \$100 atau \$200 tambahan di samping yang sedemikian itu. Jadi, perkara ini sentiasa dinamik difikirkan.

Mengenai TPOR, bergantung juga kalau kita katakan kakitangan tidak mencukupi tetapi sebelum tertubuh jabatan ini ada sudah kakitangan-kakitangan yang diambil bukan secara dalam *established* tetapi di ambil menggunakan peruntukan zakat iaitu bahagian Amil yang akan jadi pelawat, penemuduga, mendapatkan maklumat-maklumat daripada pemohon-

pemohon, melaporkan dan apa sokongan-sokongannya dibawa ke jawatankuasa dan sebagainya.

Ini sudah sedang dijalankan Yang Berhormat Pengerusi tetapi apakah ia cukup atau tidak cukup. Soalnya kaola dan kementerian ini akan menilai sejauh mana ketidak cukupannya, sejauh mana kecekapannya dan sejauh mana dedikasinya. Jadi hal-hal begini sama-sama kita memikirkan, kalau TPOR 90 hari memang itu kementerian sendiri menilai tidak berpatutan terutama sudah ada sistem SKN dan sebagainya.

Sistem SKN itu boleh kita kembangkan kalau kita sudah mempunyai keazaman untuk penyelesaian kes-kes permohonan lama dan baharu bagaimana dalam sistem itu sendiri boleh kita mempergunakan kecepatan dan kecekapan untuk mempercepatkan permohonan dan keputusan kepada sebarang permohonan dan setelah diputuskan untuk dibayar ataupun diserahkan agihannya bukan kepadanya tetapi kepada bank dan proses ini melibatkan juga orang yang berkenaan itu, jika mereka memberikan maklumat yang sepenuhnya semasa memohon tetapi maklumat itu mesti *verified* sama ada melalui sistem itu, maklumlah juga apabila hendak menggunakan sistem ada orang tidak mampu dengan ada orang berharap kepada anaknya, cucunya.

Tetapi tidak efisien kerana itu ada penyelesaiannya dengan mereka disuruh ke kaunter danakan ditunjuk ajar. Nanti apabila sudah ada keputusan untuk menyokong, mereka akan diminta untuk

membuka akaun kalau permohonan baru. Dalam akaun itu, akan dimasukan agihan kepadanya, dan itu pun menunggu waktu lagi daripada pemohon dan ini mungkin dapat diatasi kalau misalnya kalau tidak dapat membuka akaun kerana alasan tertentu mungkin Jabatan Urusan Zakat dalam penilaian sekarang ini akan mempercepatkan segala-galanya, dapat mebantu untuk membayar daripada sebahagian agihan itu menggunakan agihan untuk membuka akaun.

Itu boleh saja akan di pertimbangkan Yang Berhormat Pengerusi, jadi hal-hal ini yang pentingnya bagaimana meningkatkan pendapatan zakat dalam masa yang sama bagaimana dengan peningkatan yang bertambah-tambah akan dapat mempelbagaikan lagi daripada hanya asasi persekolahan bahkan kepada biasiswa dan sebagainya ﴿إِنَّ شَاءَ اللَّهُ مِمَّا يَرِيدُ﴾. Mudah-mudahan Jabatan Urusan Zakat sedang berusaha ke arah ini mudah-mudahan usahanya akan ditaufikan oleh ﴿أَللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى﴾ ke arah penyelesian dan sebagainya.

Kemudian kejayaan *PROPAZ*, angka tidak di sini, kaola 2 ke 3 tahun dulu telah hafal tetapi kaola telah lupa. Tetapi dari pengalaman yang lalu, kejayaannya itu dibawah 50%. Ini bukan juga menyatakan sikap orang, terdapatlah latihan, keluar dari latihan kalau hanya berharap untuk mendapatkan perkerjaan. Memanglah bekerja sekejap, inda lama akan berhenti lagi. Tapi jika ia mempunyai minat untuk membangun dirinya dari segi perniagaan dan sebagainya, membuka gerai dan

sebagianya, membuat kuih untuk jualan secara *online* dan sebagainya. Dan itulah bantuan akan terus diberikan kepada mereka untuk memberi modal kepada mereka dan orang-orang seperti ini berjaya dan itulah gambarannya itu.

Jadi sekarang ini, ada pemikiran lagi dengan tidak menumpukan kepada keluarga atau ibu bapanya. Tetapi menumpukan kepada anak-anaknya yang kira-kira ‘terbengkalai’ persekolahannya untuk masuk kolej kerana keputusannya peperiksaan peringkat ‘O’ atau peringkat bawah tidak mencukupi, ini untuknya pelajaran yang lebih terarah kepada perkerjaan misalnya dalam *hospitality*, bisnes dan sebagainya yang ditawarkan oleh beberapa kolej swasta di negara ini, الحمد لله hal-hal demikian dapat dilakukan oleh Jabatan Urusan Zakat. Mudah-mudahan dengan peningkatan kutipan شَاء اللّٰهُ إِنْ akan meluas lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pelancong Islam, adalah menarik sangat. Kaola sebenarnya ada satu jawatankuasa bersama *joint* komiti antara Kementerian dan MPRT, tidak perlu yang lain lagi Yang Berhormat Pengerusi, sudah berjalan secara kementerian ke kementerian. Sebelum ini, Kementerian menyokong apa juga usaha yang dilakukan oleh MPRT untuk yang dinamakan Pelancongan Islam.

Katalah buat sementara Pelancongan Islam. Apa yang sudah yang dibuat pada masa ini antaranya menjadikan masjid sebagai tumpuan, iaitu 2 buah masjid: Masjid Omar ‘Ali Saifuddin dan Masjid

Jame' Asr Hassanal Bolkiah. Kalau mengikut angka yang disebutkan di sini, dalam tahun 2023 menunjukkan bahawa seramai 3000 ke 4000 orang pelancong asing yang melawat masjid. Jadi 300 orang ke 400 orang dalam seminggu. Kalau dari segi menyokong, memang telah ada sokongan Yang Berhormat Pengerusi.

Kemudian mempelbagaikan bukan saja yang apa yang ada dilihatnya di sana di masjid-masjid itu melihat, meninjau dan bukan semasa sembahyang meninjau kalau ada keindahan dari segi seni bangunan dan seni hiasan dan sebagainya. Ia juga dipelbagaikan lagi disediakan *corners*, mereka boleh mengetahui tentang Islam itu misalannya *corner* tentang pakaian, mereka mencuba pakaian Islam, kemudian *corner* tentang Nabi dan inilah caracaranya dan lagi ada cara ialah dalam bulan puasa Iftar Mahabah bersama dengan orang-orang pelancong selain dari orang ramai yang sedia ada. Tetapi pelancong ini kalau akan merasakan iftar bersama-sama dengan orang Islam ini, datang ke masjid dan diadakan beberapa kali di sepanjang dalam 5 tahun ini nampaknya baik. Termasuk di Daerah Belait, ada sebuah masjid yang terlibat.

Jadi semua ini disebut pelancongan Islam itu, sekarang memang ada Balai Khazanah yang jadi tumpuan jua dan Balai Khazanah sebagai *partner* jua sebagai mendukung pelancongan ini tidak juga menyebut pelancongan Islam tetapi pelancongan dan banyak lagi cara untuk mendatangkan orang ke Brunei.

Macam tadi pagi disebutkan ada pelancongan *student*, peringkat *student* sedang diusahakan, dirundingkan sudah dengan agensi-agensi Singapura yang biasa membawa ke luar negeri dan pernah beberapa tahun yang lalu membawa ke Brunei misalnya ada sedemikian itu. Kemudian ada disebutkan di sana ada tokoh-tokoh ilmuan Islam dengan seminar-seminar yang ada di sini dan sebagainya. Ya, memang mereka datang ke sini tetapi mereka tidak berbelanja dari poket mereka kerana hotelnya ditanggung oleh kita. Ertinya memang hotel 'laku' pada masa seminar itu atau apa tetapi daripada kos kerajaan juga. Maknanya kita mendorong *businessnya* berjaya tapi untuk mendapatkan pendapatan pertukaran wang luar negeri perkara seperti ini tidak terjamin. Mudah-mudahan kaola sudah dapat menyampaikannya secara lalu, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang suka untuk memberikan penerangan lanjut mengenai dengan penerima bantuan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kan menambah saja Yang Berhormat Pengerusi sebagaimana saranan berkenaan bantuan-bantuan ini.

Sebagaimana yang kaola maklumkan semasa pembentangan bajet

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu berkenaan dengan *KPI* ketua kampung dan penghulu mukim. Salah satu *KPI* penghulu mukim dan ketua kampung ini adalah peratus penduduk mukim kampung yang dipeduli, 'dikelinga' dan ditangani yang mana memastikan kemaslahatan anak buah kampung khususnya bagi golongan yang berkeperluan dijaga dan ada hubungkaitnya dengan memastikan ketersediaan prasarana di mukim kampung yang boleh digunakan termasuklah gerai-gerai. Inilah kalau 'kitani' hendak memperkasakan penerima-penerima bantuan untuk mereka dapat menaik taraf hidup masing-masing. ﴿إِنْ شَاءَ اللَّهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ﴾ Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa bekerjasama melalui institusi penghulu mukim dan ketua kampung dalam memastikan anak-anak buah kampung dipeduli dan untuk memastikan mereka boleh berdikari atau menaik taraf hidup masing-masing.

Itu saja yang dapat kaola tambah, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

**Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُ أَكْبَرُ , kaola merasakan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sememangnya cukup jelas

tentang peranan dan tanggungjawab serta hala tuju pihak kementerian bagi memastikan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 dapat ditadbir urus dengan jayanya, اللهِ يَعْلَمُ إِنَّمَا. Terima kasih dan tahniah kaola ucapan.

Dengan ini kaola ingin menyentuh dan menambah serba sedikit soalan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Kaola masih terpanggil untuk menyuarakan berkenaan dengan masalah rakyat berhubung kait dengan bantuan kebajikan SKN di bawah tadbir urus Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Hal ini sering dibincangkan pada sesi muzakarah bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama secara panjang lebar mengenai isu kelambatan proses permohonan masih saja berlaku.

Berdasarkan penerangan pada sesi perjumpaan muzakarah yang lalu, proses penilaian setiap pemohon dilakukan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWB). Di dalam penerangan tersebut dinyatakan beberapa sebab berlakunya kelambatan proses sama ada permohonan baharu ataupun permohonan-permohonan membaharui.

Antara faktor kelambatan yang sempat kaola cakapkan ialah;

1. Kekurangan kakitangan bagi memproses permohonan yang terlalu banyak diterima.; dan

2. Menerima maklumat yang tidak lengkap dan tepat berkenaan keterangan dan status pemohon.

Permasalahan kelambatan proses permohonan ini sering menghantui pihak kaola dan ketua-ketua kampung lain yang berdepan dengan keluhan serta rintihan orang ramai yang meminta tolong agar menyuarakannya kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Yang paling menyedihkan, disebabkan kelambatan kelulusan permohonan menyambung bantuan ada yang sampai diarahkan keluar rumah oleh pemilik rumah disebabkan tunggakan sewa rumah sehingga berbulan-bulan kerana permohonan menyambung belum ada jawapan.

Selaku Ahli Yang Berhormat adalah tanggungjawab kaola untuk membawa isu ini sehingga mendapat jalan penyelesaian yang memberi kebaikan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan perhatian. Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar pihak-pihak yang bertanggungjawab dapat mempertingkatkan kualiti tadbir urus dan pelaksanaan sistem SKN ini.

Sebarang masalah, terkait dengan kekurangan kakitangan atau sistem pelaksanaan proses permohonan boleh saja dikaji dan diteliti untuk sebarang pembaikan. Sebagai contoh: pemberitahuan penyambungan bantuan secara automatik 4 bulan sebelum mansuh melalui surat ataupun pesanan ringkas kepada penerima-penerima

bantuan boleh saja diguna pakai bagi mengelakkan kelambatan berlaku.

Penggunaan sistem penyimpanan data dan maklumat penerima yang lebih efisien dan *up to date*. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Walaupun soalan-soalan itu mirip kepada soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin tapi kaola boleh menambah mengenai usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal. Usaha-usaha untuk memperbaik tadbir urus adalah sedang dan telah pun diusahakan melalui latihan-latihan tertentu sama ada dengan mendatangkan rakan strategik dari luar negara dalam hal ini negeri Pahang, salah sebuah negeri di mana Majlis Ugama Islamnya berjaya mengendalikan urusan zakat dengan sebaiknya dan mereka telah datang dengan memberikan bantuan-bantuan bukan sahaja cara mengutip bahkan juga pengurusan dan penyelesaian kes.

Usaha ini diteruskan lagi dengan latihan-latihan dalam negeri bersama pihak-pihak tertentu seperti UNISSA dan

beberapa buah jabatan seperti Jabatan Mufti dan sebagainya. Usaha ke arah itu memang ada dan untuk celik *ICT*, seperti yang kaola nyatakan tadi, kelemahannya dapat diatasi misalnya di peringkat kaunter. Semua ini mengarah kepada bagaimana kita mengurus. pertama, sama ada kita mempunyai kakitangan yang mencukupi. Maknanya dedikasi.

Kedua adalah kecekapan. Kaola berharap dengan penumpuan kepada latihan seperti ini akan membantu Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang baharu dengan tenaga kerja baharu Sebahagiannya, tenaga baharu di peringkat atasan tapi di peringkat menengah dan ke bawah adalah tenaga-tenaga yang lama dalam Majlis Ugama Islam pada masa itu.

Dan mudah-mudahan bantuan ataupun adunan dua tenaga baharu dan lama ini akan dapat mengatasi masalah-masalah ini. Salah satu daripadanya tentang celik *ICT* di mana semasa muzakarah bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Berakas A diadakan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 22 November yang lalu. Kerjasama institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Berakas A untuk membantu anak buah mereka.

Begitu juga dengan mukim-mukim yang lain. Memang ada pemikiran seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan bahawa mereka perlu dibekalkan dengan senarai Asnaf di mukim masing-masing. Perkara ini sudah pernah dibuat dan senarai itu

akan sentiasa dikemaskini terutama sekali menjelang Hari Raya nanti kerana mereka akan mendapatkan agihan tahunan. Sama ada ia dikongsikan melalui platform *ICT* atau secara *hardcopy* itu boleh diusahakan.

Ini sangat penting Yang Berhormat Pengerusi kerana bukan sahaja ketua kampung menggunakan *terms* yang apabila dikaji, bukan sahaja menghantui mereka tetapi menghantui ‘abiskaola’ juga. Tapi, ‘abiskaola’ terima kerana ini tugas ‘abiskaola’ dan mungkin kalau kaola balik ke pejabat, akan ada surat meminta menteri ikut campur untuk menyelesaikan masalahnya yang belum lagi selesai. Kalau dikatakan ‘menghantui’, tidak juga, mungkin ‘Membubut-bubut’. Kalau surat itu tidak sampai ke pejabat, disampaikannya ke pos polis di rumah kaola. Ada ketikanya tidak mahu polis, tapi ditunggunya sampai kaola balik dan sebagainya.

Ada yang salah faham, ada yang beritahu datanglah ke rumah menteri kerana ada bantuan di sana. Jadi, polis pun salah faham kenapa mereka ke rumah, menteri di pejabat jadi mereka pun ke pejabat. Baru-baru ini ada aduan, mereka bingung kerana orang itu datang ke rumah untuk meminta duit kerana menteri memberitahu ada duit.

Jadi, bukan menghantui lagi tetapi ‘membubut’ ke sana sini. Jadi, hal-hal macam ini jadi kalau dikira masalah, ‘kitani’ tidak dapat menyelesaikan masalah ini. ‘Kitani’ berharap akan ada pembaikan dalam perkara ini bukan sahaja peningkatan jenis-jenis bantuan.

Tapi pada masa ini, ‘kitani’ bertimbang rasa kerana ada peningkatan sekitar 600 keluarga untuk mendapatkan sewa rumah. jumlah ini besar untuk dikendalikan. Sewa rumah ini masalahnya diluluskan sudah sewa rumah tapi pembayarannya belum masuk ke dalam bahagian akaun, bukan belum masuk tiada duit tetapi proses pembayaran di pejabat ada cara pentadbiran daripada keputusan mesyuarat untuk menyiapkan *voucher* dan dihantar ke bank.

Bukan kerana ketiadaan dana, dana sentiasa ada ﴿إِنَّ شَاءَ اللَّهُ﴾, sentiasa selamat dan tidak diganggu. Jadi, mudah-mudahan ada semangat ingin membantu bukan kerana semata-mata dihantui tetapi memang tugas ‘kitani’. Menteri pun diburu mengenai perkara ini. Jadi, kita terima ia sebagai tugas untuk dapat sama-sama diselesaikan. Bantuan daripada ketua kampung dan penghulu-penghulu juga sangat diharapkan dalam perkara ini.

Banyak perkara yang boleh ‘kitani’ lakukan di peringkat kementerian dan di peringkat akar umbi. Ia dapat dilakukan kalau ‘kitani’ berkolaborasi dalam mengatasi masalah sosial di kampung-kampung. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kalau dahulu projek Satu Kampung Satu Produk, sekarang ini Satu Kampung Satu Keluarga.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memperkenalkan Satu Kampung Satu Produk dan lepas itu kaola menggantikan beliau menyambung

untuk meningkatkan mutunya kepada *packaging* dan sebagainya.

Sekarang,dengan adanya kolaborasi dari bank dan sebagainya sudah menghasilkan satu produk yang benar.Kini, Satu Kampung Satu Keluarga ini mudah-mudahan akan berkembang dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui bahagian zakat akan sentiasa menyokong rancangan-rancangan sedemikian. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:** *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah, rancangan serta hala tuju kementerian di dalam menguruskan perbelanjaan Tahun 2024/2025. Kaola mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ.*

Menyentuh mengenai jawatan imam dan bilal masjid adalah satu jawatan yang sangat penting dalam pengelolaan masjid dan surau. Namun, tugas mereka bukan sahaja berkisar di dalam kawasan masjid dan surau sahaja, malahan juga bertanggungjawab di dalam hal ehwal kesejahteraan masyarakat dan penduduk setempat terutama sekali di dalam hal-

hal yang berkaitan dengan fardu kifayah. Tugas imam dan bilal tidak dapat disamakan dengan penjawat awam yang lain.

Ada terdapat antara imam dan bilal ini ditugaskan jauh daripada tempat tinggal mereka. Keadaan ini sedikit sebanyak menjadi masalah dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di masjid terutama sekali urusan-urusan pejabat, jika diperlukan.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar perkara ini dapat diberikan perhatian sewajarnya termasuk:

1. Penempatan imam dan bilal mengikut tempat bertugas yang sesuai dan menepati kemampuan.;
2. Menempatkan pegawai-pegawai masjid dengan jumlah yang sesuai mengikut kapasiti masjid dan penduduk setempat.; dan
3. Menempatkan jawatan tetap kepada pelapis-pelapis imam dan bilal yang berpotensi secara kontrak bagi memenuhi keperluan masjid atau surau.

Seterusnya, kaola juga ingin mengetahui dan ingin pencerahan mengenai dengan status kerja pembinaan masjid baru Kampung Lamunin dan Kampung Ukong, Daerah Tutong. Setakat ini, apakah status perkembangannya?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, *وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengurus dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Mengenai imam dan bilal masjid, memang selain daripada masalah-masalah disiplin kerja yang dihadapi, biasalah kalau kita bekerja ini masing-masing dengan caranya. Tetapi, sepatutnya dalam jangkaan kita tidak sepatutnya berlaku di masjid kerana di masjid ada waktu-waktunya.

Walaupun mereka bertugas mengikut waktu pejabat, tetapi dalam hal yang sama, waktu-waktu sembahyang itu diambil kira juga, jadi pertukaran waktu bertugas antara seorang imam dengan seorang yang lain mestilah mereka tahu sendiri setelah ada aturan-aturannya, mereka sendiri mengambil inisiatif bagi memastikan ia lancar untuk masjid tempatnya bertugas.

Jadi, cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, kalau penempatan imam itu tidak sesuai dengan lantikannya, ertinya tempat itu jauh dari masjid ia bertugas, memanglah diambil kira.

Pertama, lantikan imam mengikut aturan-aturan yang diikuti berdasarkan *interview*, iklan dan sebagainya. Jadi, siapa yang dikatakan layak, maka yang lebih layak akan dipilih. Kemudian, ketika ditemuduga, ditanyakan kalau ditempatkan di tempat ini, adakah sanggup? Orang dari Brunei Muara

ditempatkan di Kuala Belait, mereka akan menyanggupi untuk mendapatkan jawatan tersebut. Kemudian, diberitahu di Kuala Belait itu jauh sedikit seperti di Kuala Balai, mereka menjawab .إِنْ شَاءَ اللَّهُ Tetapi akhirnya berlainan setelah mereka mendapat jawatan.

Bagaimanapun, nampaknya penempatan itu sangat penting. Kerana itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid berunding dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk lantikan-lantikan sedemikian, imam yang tidak mempunyai tempat yang dekat akan disewakan rumah kerajaan kalau ada. Tambahan juga disewakan rumah yang dikira sesuai untuknya. Jadi hal seperti ini bergantung macam mana kita mendapat pengisiannya itu.

Yang kedua, memang diakui dan disedari keperluan imam sentiasa ada, mengikut giliran-gilirannya pun mesti sentiasa ada. Sebelum meninggalkan masjid, perlu datang yang mengganti bagi memastikan keberadaannya dan itu memerlukan adanya 2 atau 3 orang. Hal-hal seperti ini diatur melalui jadual kerja dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang juga sekian lama sudah berjalan.

Contohnya, terdapat sesetengah masjid yang diperlukan untuk penyempurnaan jenazah. Pengurusan jenazah yang masuk ke waktu Zohor dan pada masa yang sama 'kelurusan' belum ada lagi yang bertugas untuk menggantikan imam bagi sembahyang Subuh kerana imam yang bertugas bagi sembahyang

Zohor perlu bergegas keluar untuk mengantar anaknya dan sebagainya.

Semua ini adalah faktor-faktor yang boleh dikategorikan sebagai faktor kemanusiaan. Memang faktor kemanusiaan, tetapi faktor kewalahan sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi. Kaola rasa menyediakan tenaga kerja yang cukup di masjid ini memang sangat penting dan oleh kerana itu terdapat ketetapan-ketetapan yang perlu dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang sudah berjalan pada masa ini, iaitu mengikut kadar-kadar yang telah ditentukan bagi masjid-masjid.

Misalnya, sebuah masjid memerlukan 3 orang jika masjid tersebut besar. 2 orang imam dan seorang bilal. Ini pun 'barangkali' tidak cukup, jadi difikirkan bagaimana caranya untuk mengisikan jawatan-jawatan yang sedemikian itu. Keperluan sedemikian itu adalah sangat terhad, jadi diadakan pelapis-pelapis yang pada masa ini. ﷺ kadar bertugas bagi imam ialah \$20.00 sehari, kalau bilal \$10.00 sehari dan dibayar menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan dan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid atau dibayar oleh tabung masjid Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi Masjid-Masjid yang berkeupayaan.

Jadi hal semacam ini dapat kita atasi. Misalnya kalau di Daerah Tutong, terdapat keperluan-keperluan yang sekian jumlahnya tetapi yang dapat diisikan dalam jawatan tetap hanya sekian sahaja maka diambil pelapis-pelapis.

Pelapis-pelapis dicadangkan untuk ditetapkan dalam tugasnya atau ditetapkan dalam jawatan, tetapi jawatannya memang di dalam jawatan pelapis sahaja walaupun tidak terdapat dalam *establishment*. Jadi 'barangkali' terdapat ikhtiar untuk mengadakan satu skim, seperti mengadakan program pelapis itu secara kontrak.

Mungkin dapat difikirkan untuk melaksanakannya tanpa menggunakan *establishment* kerajaan atau peruntukan kerajaan tetapi menggunakan peruntukan masjid bagi masjid yang berkemampuan untuk mengadakan sedemikian. Boleh dipertimbangkan tetapi hal-hal yang begitu tidak menolak kemungkinan untuk kita memperbaiki usaha yang sudah 'kitani' lakukan pada masa ini. Usaha yang kurang baik dan kurang berkesan dapat diperbaiki dalam semua bidang sama ada bidang masjid atau dalam bidang zakat.

Kemudian, isu kedua mengenai jumlah yang sesuai. Memang terdapat jumlah yang diperuntukkan. Terdapat 3, 2 dan malah terdapat lebih daripada 3 bagi masjid-masjid utama.

Mengenai status pembangunan masjid-masjid di Kampung Lamunin dan Kampung Ukong. Kedua-duanya sudah ada dalam perancangan dan ﴿إِنَّ شَاءَ اللَّهُ إِنَّ شَاءَ اللَّهُ﴾ akan dilaksanakan, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin

membuat kenyataan pada ketika ini, silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon maaf mungkin tertinggal sedikit dalam perbincangan awal tadi.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas saranan-saranan yang beliau timbulkan mengenai Sistem Kebajikan Negara. Kaola tidak ingin menyentuh dengan panjang lebar, cuma kaola ingin mengongsikan sedikit Sistem Kebajikan Negara (SKN) ini.

Sistem ini sebenarnya sentiasa dibuat pemberian-pemberian, jadi semua pembaharuan dan penaiktarafan pada SKN ini akan dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan keberkesanannya dari semasa ke semasa.

Jadi sebagai agensi yang mengendalikan sistem ini, sentiasa mengambil pendekatan terbuka terhadap semua saranan bagi tujuan pemberian. Sebagai contoh, sistem ini merupakan pengintegrasian bantuan-bantuan kebajikan ke dalam sistem ini secara berfasa, erti-nya secara berperingkat-peringkat.

Kaola tidak ingin menyentuh banyak mengenai sistem ini, nanti giliran kaola akan kaola sentuh dengan lebih panjang lebar. Cuma kaola ingin mengongsikan sedikit ciri-ciri Sistem Kebajikan Negara

(SKN) ini yang mungkin belum banyak diketahui umum.

Ia mempunyai satu ciri, iaitu *power business intelligence*. Maksud *power business intelligence* ini, ia akan membantu agensi-agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada penerima-penerima bantuan ini dalam mengenal pasti sudut mana penerima-penerima bantuan ini dapat dibantu, bagi tujuan keluar daripada kepungkung kemiskinan ataupun golongan sasaran ini.

Contohnya, kemahiran yang kurang, pembangunan kapasiti yang dapat dihulurkan umpamanya Program Latihan dan Kemahiran, Program Pekerjaan, Program Keusahawanan dan inisiatif-inisiatif lain melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola akan menyentuh perkara ini nanti apabila giliran kaola, sewaktu giliran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ini sebagai bayangan sahaja dan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi sewaktu menjawab kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** إِنْ شَاءَ اللَّهُ ‘kitani’ dengan sabar menunggu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

**Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:** يَسْمَعُ اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dari mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, kaola merasakan ingin memberikan kesan yang positif ke arah hala tuju kementerian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sekali gus memberi impak kepada kemajuan negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola sukacita menyokong apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam mengenai Tambang Haji. Sepertimana yang kita sedia maklum, perbelanjaan bagi menunaikan haji semakin meningkat setiap tahun dan sememangnya mengundang isu-isu bantuan haji yang semakin hangat diperkatakan sedangkan ia merupakan hak individu yang perlu diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan perkara ini, termasuklah dasar-dasar kerajaan yang berkait dengan Skim Bantuan Tambang Haji kepada kakitangan awam dan golongan mualaf yang tidak dapat dipertimbangkan untuk mendapat bantuan berkenaan. Antaranya:

1. Kakitangan awam yang sudah menunaikan haji atas perbelanjaan sendiri;
  2. Kakitangan awam yang sudah bersara tetapi belum berkesempatan memohon bantuan tambang semasa masih berkhidmat;
  3. Perkhidmatan awam yang meninggal dunia tetapi belum sempat menunaikan haji;
  4. Mualaf yang telah mencapai 10 tahun memeluk Agama Islam; dan
  5. Mualaf yang telah menunaikan haji atas perbelanjaan sendiri.
- Selain daripada itu, kaola mencadangkan agar adanya pilihan-pilihan lain yang difikirkan sesuai dan dapat dipertimbangkan agar hak-hak ini dapat dinikmati dengan sebaiknya seperti digantikan dengan umrah, menunaikan Badal Haji untuk آلَهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى and sebagainya.
- Seterusnya, kaola menyentuh berkenaan status tanah-tanah wakaf yang telah diwakafkan oleh individu muslim bagi tujuan membina masjid dan balai ibadat. Ada terdapat tanah wakaf berkenaan telah dibina sebuah bangunan balai ibadat yang kini telah dikosongkan disebabkan pembinaan bangunan masjid baru.
- Keadaan ini menimbulkan perspektif yang pelbagai jalan tidak terkecuali juga menjadi sasaran pencerobohan dan kecurian. Kaola tidaklah mengatakan di mana kejadian ini berlaku. Mungkin pihak-pihak berkenaan sudah tahu tempatnya dan kaola lebih suka

menyuarkan secara umum agar isu tanah wakaf ini dapat diteliti dan diambil perhatian dengan sewajarnya.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin pencerahan berkenaan beberapa perkara:

1. Kenapakah bangunan ini dibiarkan begitu sahaja dan apakah ia boleh dimanfaatkan untuk aktiviti yang bersesuaian?;
2. Apakah perancangan pihak kementerian dalam mentadbir urus tanah-tanah wakaf yang terbiar?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, atas soalan-soalannya yang berhubung dengan tambang haji kemudian melibatkan tambang haji mualaf dan juga berhubung dengan tanah wakaf.

Ada kes yang disebutkannya sudah dibanguni dengan bangunan, selepas itu ditinggalkan 'macamatu' sahaja tetapi tidak disebutkan di sini, di mana? Kalau bagi kaola, teka-teki 'lah tu' Yang Berhormat Pengerusi. Tetapi mungkin dinyatakannya pihak yang berkenaan sudah mengetahui. Itu 'barangkali' pihak yang berkenaan Hal Ehwal Masjid ataupun pihak berkenaan hal ehwal

ugama di daerah-daerah sudah mengetahui. Mungkin ia jadi hal itu sampai nanti laporannya kepada 'abis kaola'.

Tetapi bagaimana kedudukan masjid yang sedemikian itu, dan ada yang lagi sudah dibangunkan, soalnya ia kalau benar-benar sudah dikatakan sebagai 'inda' lagi dapat digunakan, maka ia akan termasuk tinggal lagi di mana 'kitani' katakan pelupusan aset namanya itu, menunggu. Tetapi kalau ia masih digunakan, dilihat, kalaularia ada masjid, ada surau. Kalau kedua-duanya ada berhampiran, kalau kampung kecil atau kampung besar, mungkin menimbulkan jemaah yang berpecah-pecah, satu mengikut masjid, satu mengikut Jemaah. Jadi bergantunglah kepada keadaan-keadaannya.

Adapun mengenai perancangan tanah-tanah wakaf itu, 'kitani' akan melihat bagaimana ia bergantung kepada tanah wakaf ini, kalau misalnya apa rancangan yang akan dibuat. Ia banyak tanah-tanah wakaf, ia bergantung kepada apa maksud pewakaf. Kalau ia digunakan untuk masjid atau surau, niatnya itu mesti dipenuhi. Kalau sudah terpenuhi, الحمد لله. Kalau belum terpenuhi, 'kitani' usahakan mencari untuk memenuhinya. Tetapi bergantung pula kepada lokasinya, bergantung pula kepada keluasannya. Kalau lokasinya itu di tempat yang sudah ada masjid, maka 'inda' ada keperluan di sana itu. Ataupun belum ada masjid tetapi keluasannya 'inda' menepati kehendak bagi pembangunan masjid. Misalnya ia

setengah ekar, 'inda' dapat dibangunkan masjid, di mana nanti 'menaruh' *parking* dan sebagainya. Semua itu akan disesuaikan juga lagi.

Atau juga memang macam ada satu kes di Pengkalan Gadong di bandar ini, kes ada tanah setengah ekar. Diniatkan oleh orang yang 'empunya' tanah wakaf itu untuk dibangunkan masjid atau surau. Memang di Pengkalan Gadong, yang memerlukan masjid sekelilingnya.

Kedua, kawasan komersial, yang 'inda' mungkin dapat digunakan untuk dibangunkan masjid tanah seluas sedemikian itu. Itu terpulanglah nanti kepada Majlis Ugama Islam memikirkan apakah tanah-tanah yang seumpama ini yang diwakafkan khas untuk ibadat masjid dan surau tetapi tidak dapat di *develop*, ia ada hukum-hukum tertentu akan diikuti.

Ini akan lebih kemas lagi apabila setelah siap nanti akta berhubung dengan wakaf yang kaola sebutkan pada pagi tadi, sedang dalam penyiapannya yang dalam peringkat untuk bacaan terakhir oleh pihak-pihak yang berkenaan di Pejabat Undang-Undang dan sebagainya. Kalau itu semuanya akan lebih jelaslah kedudukannya itu. Sama ada tanah-tanah wakaf ini mengikut kalau dibangunkan untuk ibadat, dan juga secara am sahaja untuk laluan jalan dan ada lagi 'nya' orang ia mewakafkan apa sahaja, terserah kepada Majlis Ugama Islam.

Hal-hal seperti ini tentulah dirancang oleh Majlis Ugama Islam bagaimana penggunaannya. Soalnya bagi menjamin kekhuitiran apakah bangunan yang dimaksudkannya tadi, yang bagi kaola teka teki itu, akan dapat ditentukan, akan dapat digunakan atau dibiarkan sahaja.

Mudah-mudahan pihak yang berkenaan yang dikatakan mengetahuinya itu akan dapat melaporkan kepada Pejabat Menteri atau Timbalan Menteri. Kalau pun tidak, bagaimana cara 'kitani' yang sebaik-baiknya. Yang Berhormat berbisik kepada kaola Yang Berhormat Pengerusi, lagi baik. Satu cara penyelesaiannya yang baik. Itu mengenai tanah wakaf.

Mengenai tambang haji ini, Allahummasalli Umatiya Karim. Kurnia tambang haji, ada soalan-soalan tadi itu, kaola menyebut berangkai. Kakitangan awam yang sudah menunaikan haji atas perbelanjaan sendiri, apa kedudukannya, apa dasar kerajaan dalam perkara ini?

Adalah sudah jelas kaola bacakan Yang Berhormat Pengerusi.

1. Pegawai dan kakitangan awam yang memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji adalah masih berhak diberikan kurnia tambang menunaikan fardu haji berjumlah \$4,500.00 setiap seorang walaupun sudah pernah menunaikan fardu haji sebelumnya dengan perbelanjaan sendiri. Itu sudah jelas.

2. Kakitangan awam yang sudah bersara tetapi belum berkesempatan memohon bantuan tambang haji semasa masih berkhidmat. Kurnia tambang haji penjelasannya, menunaikan fardu haji adalah diberikan kepada pegawai dan kakitangan awam yang telah berkhidmat dengan kerajaan selama 12 tahun dan memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai pengurniaan tambang menunaikan fardhu haji sama ada masih berkhidmat dengan kerajaan atau yang sudah bersara.

3. Kakitangan awam yang meninggal dunia tetapi belum sempat menunaikan fardhu haji, yang ini *interesting* sedikit. Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, pegawai dan kakitangan kerajaan yang meninggal dunia dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 12 tahun, sama ada ia telah atau belum bersara dan sama ada ia telah atau belum memohon kurnia tambang ini semasa masih dalam perkhidmatan dengan Kerajaan, maka isterinya kalau suami yang meninggal atau suaminya kalau isteri pegawai kerajaan meninggal boleh memohon kurnia tambang ini bagi dirinya sahaja dengan menyertakan salinan sijil mati, sijil nikah dan sebagainya. Tetapi yang menarik di sini ialah ada keterangan yang kaola diminta membaca di sini, merujuk surat Jabatan Mufti Kerajaan

bilangan 52/1.2/1E (6) bertarikh 22 Muharram 1436 bersamaan 15 November 2014 menjelaskan perkara-perkara berikut:

1. Pengurniaan tambang bagi menunaikan fardhu haji itu bukanlah satu yang mutlak, ia perlu dipohon dan perlu juga mendapatkan kebenaran. Jadi, permohonan dan kebenaran mengikut peraturan-peraturan Surat Keliling tadi.

Maka, di sini tidaklah timbul kurnia tambang itu boleh dituntut oleh ahli waris si mati kerana ia bukan hak pegawai si mati sehingga boleh dituntut oleh waris sebagaimana sistem pusaka. Jadi, maknanya dari segi hukum kurnia tambang itu bukannya hak, ia adalah kurnia yang bersyarat, kalau memenuhi syarat ia diberikan, tetapi kalau di dalam pemberian itu ia bukan bersifat namanya harta yang boleh diwariskan.

Adapun kurnia tambang seperti yang dijelaskan di atas adalah ia bukan menjadi hak si mati dan tidak akan menjadi harta pusaka yang boleh dikaitkan dengan keperluan haji bagi si mati, dengan kata lain jika harta pusaka si mati memang tidak mencukupi, maka tidaklah wajib dikerjakan fardhu haji itu bagi pihak si mati.

Jadi, maknanya kalau ia hak atau pun masih juga dikurniakan tetapi

tambang itu tiba-tiba tidak mencukupi maka tidaklah wajib dikerjakan haji itu. Jadi maknanya seolah-olah tambang itu tidak dapat ia melaksanakan hajinya.

Jadi, orang yang akan menuntut selepas mati kalau suami atau isteri dan sebagainya tidak ada wang untuk menambah, tidaklah dapat ia melaksanakan haji itu. Itu keterangan yang diberikan berhubung dengan isu tambang haji itu.

Mengenai tambang mualaf yang mencapai 10 tahun memeluk Islam, memang ia ada hak, masih diperbolehkan untuk menghadapkan permohonan tambang haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kecuali bagi yang telah pernah menunaikan fardhu haji, ia sudah pernah naik haji, tidak lagi dapat sama ada dengan perbelanjaan sendiri atau sebagainya.;

2. Setiap permohonan yang diterima adalah tertakluk kepada garis panduan bagi menimbangkan permohonan kurnia tambang haji iaitu ada jawatankuasa yang menimbangkannya, menemuduga kelayakannya dan sebagainya. Namanya Jawatankuasa Bertindak Bagi Menimbangkan Permohonan Menjunjung Kurnia Tambang Haji

daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.;

3. Kemudian mualaf yang telah menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan sendiri. Mana-mana mualaf yang telah menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan sendiri atau dari mana-mana sumber adalah tidak lagi berhak untuk memohon Skim Bantuan Tambang Haji. Begitu juga mana-mana asnaf mualaf yang telah dikurniakan tambang haji daripada asnaf mualaf juga, mereka tidak lagi berhak untuk mendapatkan kurnia tambang haji 12 tahun berkhidmat, dan inilah yang dikatakan dasar kerajaan atau dasar Majlis Ugama Islam berhubung dengan tambang mualaf, jelas sedemikian.
4. Mengenai tanah wakaf itu kaola ingin menambah sedikit, ia bolehlah dikatakan kalau tersenarai sebagai masjid. Masjid wakaf pada masa ini ada 10 buah seluruh daerah. Jadi, pewakaf-pewakaf itu ada yang mencatitkan namanya tetapi majoriti hamba الله sahaja dan alamatnya pun diberikan kalau dicari di Pejabat Pos tidak dapat dicari. mana yang ada, ada yang jelas dan ada yang tidak jelas.

Kemudian tanah wakaf, tanah khas ada 39 lot seluas 59.947 hampir 60 ekar bagi tapak masjid, sekolah ugama dan jalan-jalan laluan. Jadi, ada yang sudah digunakan dengan sebaik-baiknya dan ada yang masih ‘terbengkalai’ kerana tidak mencukupi untuk mendirikan masjid atau sekolah ugama kerana keluasannya dalam 39 lot ini ambil hitung panjang ada satu ekar setengah dan satu ekar lebih tidak mencukupi, tetapi kalau kelurusan laluan jalan sudah pun dilaksanakan.

Kemudian Wakaf Am Tanah. Wakaf ini terpulang kepada Majlis Ugama Islam untuk melakukan. Ada sebanyak 5 lot iaitu kurang daripada 5 ekar (4.4246 ekar). Jadi, terpulang kepada Majlis Ugama Islam memikirkannya, tetapi yang ada sudah diedarkan dan semua untuk diproses apa kegunaanya.

Sekian Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk membuat keterangan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*  
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah sahaja sedikit mengenai jawapan yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai dengan 2 perkara iaitu:

1. Mengenai dengan persoalan yang awal daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan rumah wakaf di bawah Jabatan Urusan Zakat dan Baitulmal di bawah Majlis Ugama Islam. Kaola terpanggil untuk menambah untuk mencerminkan juga tindakan ada dibuat oleh Majlis Ugama Islam yang telah menghadapkan permohonan bagi pengurusan pembinaan rumah-rumah wakaf di bawah Majlis Ugama Islam. Datanya ialah sejauh ini ada 106 permohonan yang telah dihadapkan kepada Jabatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya untuk membuat segala persediaan dan pengurusan untuk pembinaan rumah ini. Dari jumlah 106 buah permohonan itu, 71 buah sedang dibuat rekabentuk dan penyediaan lukisan oleh Jabatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, 26 permohonan sudah dipohonkan bagi kebenaran daripada Autoriti Perancang Bandar dan Desa dan juga ABCi, 2 permohonan dalam proses mendapatkan kebenaran tawaran dari Lembaga Tawaran, 3 buah rumah sedang dalam proses pembinaan waktu ini dan 3 permohonan masih lagi di dalam siasatan teknikal. Jadi semuanya terdapat 106 buah permohonan yang telah dihadapkan kepada Jabatan Kerja Raya yang sedang dibuat persediaan dan pengurusannya.

2. Persoalan mengenai Masjid Ukong dan Masjid Lamunin. Kedua-dua masjid ini adalah masjid waqaf yang telah jua dihadapkan kepada Jabatan Kerja Raya dan masa ini tawaran masjid ini telah dibuka untuk menerima tender.

Itu sahaja yang kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

Kaola ingin menambah mengenai tanah untuk dibangunkan rumah asnaf dalam perkara zakat. Memang pada tahun 2009 ada ketetapan untuk mengagihkan wang kumpulan zakat yang terkumpul selama lebih 30 tahun berjumlah ratusan juta.

Jadi, itu yang 'kitani' lakukan pada masa itu, sebanyak \$35 juta diperuntukkan untuk membangun rumah orang-orang yang memerlukan bukan sahaja asnaf fakir miskin tetapi juga mualaf.

Inilah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Proses penyediaannya di bawah Jawatankuasa *Quick Win* namanya di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan dianggotai oleh Kementerian Pembangunan, bagi pelaksanaannya memang Kementerian Pembangunan, kewangannya memang datang dari Majlis Ugama Islam Brunei. Pada masa ini masih berbaki sekitar \$24 juta ke \$25 juta. Jadi perancangan ke hadapan untuk pembangunan 106 buah lagi adalah dengan perbelanjaan ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

wang tersebut untuk digunakan perumahan kerana kalau berdasarkan tanah yang akan diharapkan tanah kerajaan atau tanah orang itu sendiri dibangunkan rumah memakan perbelanjaan tinggi, kebetulan terletak di kawasan-kawasan yang belum dibangun atau kawasan yang sudah membangun tetapi berbukit maknanya perbelanjaan untuk meratakan tanah sahaja sudah memakan perbelanjaan yang tinggi.

Tambahan lagi dahulu peruntukan \$35 juta itu adalah perkiraan \$50 ribu sebuah rumah tapi sekarang harganya \$75 ribu ke atas ke \$90 ribu. Jika ditambah lagi dengan kerja-kerja tanah maka ada pemikiran untuk Majlis Ugama Islam Brunei diberikan satu plot di kawasan yang sudah dibangun.

Misalnya di kawasan perpindahan, ada plot-plot yang dapat diperuntukkan untuk beberapa buah rumah, dengan kemampuan Majlis Ugama Islam Brunei menggunakan peruntukan yang tersedia itu tidak kurang dalam 50 buah rumah boleh dibangunkan di kawasan-kawasan tersebut. Pembangunan itu akan dikaitkan dengan pembangunan daya tahan mereka dalam erti kata kehidupan mereka dalam berkeluarga, kehidupan seharian mereka, perbelanjaan untuk menyokong mereka, mereka akan diberikan tempat untuk berniaga dan sebagainya. Jadi mudah-mudahan dengan rancangan sedemikian juga akan dapat dilaksanakan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

**Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir:** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah rancangan dan perancangan serta hala tuju kementerian di dalam mengurus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. أَللَّهُمَّ بِحُمْدِكَ

Kaola mengharapkan agar ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللَّهُ  
Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan kitab Al-Quran. Sebagai sebuah negara Islam sememangnya hampir kesemua rakyat di Negara Brunei Darussalam ini menyimpan sekurang-kurangnya satu buah kitab Al-Quran di rumah kediaman masing-masing.

Al-Quran adalah merupakan kitab suci yang perlu dijaga dan dihormati serta diletakkan di tempat yang sesuai mengikut kehendak syariat Islam. Sama ada ianya masih baharu mahupun telah mengalami kerosakan disebabkan beberapa faktor di antaranya:

- 1) Disebabkan selalu digunakan dan dibaca setiap hari;
- 2) Sudah usang;

- 3) Rosak disebabkan faktor cuaca atau terkena air; dan
- 4) Rosak disebabkan rumah terbakar atau seumpamanya.

Adalah menjadi keimbangan ada antara kitab Al-Quran yang rosak ini terbuang atau secara sengaja dibuang di dalam tong sampah. Jika dahulu ada kita terdengar sebuah syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan berkenaan dengan mengurus kitab-kitab Al-Quran yang rosak.

Namun ketika ini tidak diketahui apakah perkhidmatan ini masih beroperasi atau tidak. Sehubungan dengan ini, kaola sukacita mencadangkan agar pihak kementerian melalui jabatan-jabatan berkenaan dapat memberi gakan lagi secara meluas berkenaan dengan perkara ini dengan menyediakan beberapa inisiatif seperti:

- 1) Mengadakan taklimat dan informasi berkenaan dengan pengurusan Al-Quran yang sudah rosak;
- 2) Menggalakkan seberapa ramai pihak swasta untuk berminat menawarkan perkhidmatan ini; dan
- 3) Menubuhkan satu kumpulan *taskforce* bagi membuat pemantauan berkenaan dengan kualiti dan kuantiti kitab Al-Quran di sekolah-sekolah, balai ibadat, surau dan sebagainya.

Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

وَبِاللهِ التَّوفِيقُ وَالهَدَايَا. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir kerana mengingatkan perkara ini.

Ia sudah pernah berbangkit di Dewan ini tidak sampai 10 tahun lalu oleh seorang Ahli Yang Berhormat yang mengetahui adanya kes pembuangan mushaf lama ataupun jua buku-buku ugama yang di dalamnya ayat-ayat Al-Quran.

Maka sebagai respon kepada apa yang timbul di Dewan yang mulia ini, kementerian telah mengambil langkah-langkah antaranya mengadakan tempat, 'kitani' tidak menyebutnya sebagai tempat pembuangan ataupun pembakaran, tapi 'kitani' menyebut pelupusan. Mushaf ataupun buku-buku ugama ini dilupuskan secara membakarnya dalam satu tempat, bukan dalam 'daram' besar tapi dibuat secara simin dan dibakar di dalamnya.

Akan tetapi masih ada bekas-bekas yang belum terbakar habis. Jadi diadakan pembakaran menggunakan *incineration machine* yang membakar sehingga menjadi abu. *الْحَمْدُ لِلّٰهِ* Tapi setelah digunakan beberapa lama *maintenance* nya tidak terjaga maka terbengkalai dalam setahun dua ini.

Ini yang ada disebutkan tadi ada usaha daripada syarikat swasta menawarkan perkhidmatan ini dan syarikat ini telah

pun digunakan dan *لَا إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan digunakan untuk kegunaan seterusnya dan penting sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Awang Sulaiman bin Haji Nasir tadi ada macam ada *team*. *Team* itu tidak semestinya secara formal dengan *meeting*.

Tapi, ia boleh memantau di sekolah, di masjid, di surau atau di mana-mana pun sudah terjadi atau mendapati ada pembuangan. Perkara ini akan segera disampaikan kepada *focal point* di kementerian. Ini satu perkara yang baik. Sebagai contoh, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir menimbulkan mengenai ada didapati mushaf-mushaf yang salah tanda, tetapi beliau menyebutnya mushaf-mushaf yang salah. Daripada maklumat tersebut, kementerian mengambil langkah menyiasat dengan maklumat daripada Yang Berhormat.

Jadi dengan langkah yang sedemikian itu, sekarang ini telah berjalan dan mendapati ada 12 tempat kekurangan tanda ataupun tanda ke depan menjadi tanda lurus, 'dhammah' ke depan menjadi 'fathah', ataupun 'fathah' jadi 'sukun' dan sebagainya. Jadi, ini semuanya dibetulkan. Ini cuma dalam 12 tempat jadi tidak menjelaskan kehilangan ayat.

Ada maklumat daripada yang lain juga, adayang mendapati ada *team* yang bergerak di Jabatan Hal Ehwal Masjid bersama dengan Pusat Dakwah Islamiah (PDI). Jadi, maklumat-maklumat sedemikian ini adalah tanda

kesedaran ‘kitani’ orang Islam mengenai penghormatan kepada mushaf. Mudah-mudahan kesedaran ini akan tumbuh selama-lamanya generasi demi generasi dan mendatangkan keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam إِنْ شَاءَ اللَّهُ وَبِرَحْمَتِهِ. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

**Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ  
kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah hala tuju dan perancangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam mengurus dan merancang belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Mudah-mudahan setiap apa yang dilaksanakan nanti memberikan wadah kepada kebaikan dan keberkatan daripada سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اللَّهُ . Menyentuh berkenaan sektor pelancongan Islam di Negara Brunei Darussalam, konsep pelancongan Islam menitikberatkan kepada makanan halal, penginapan mesra Islam dan aktiviti yang tidak melanggar syarak. Sehubungan itu, peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan di bawahnya adalah penting bagi memastikan aktiviti dan destinasi pelancongan Islam

sentiasa menepati kehendak Maqasid Syariah.

Ini termasuklah memberi pengiktirafan tempat atau bangunan mencapai standard syariah seperti hotel syariah, dewan syariah dan kompleks membeli belah syariah dan sebagainya. Sehubungan itu, apakah ada usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mewujudkan piawaian atau standard syariah Negara Brunei Darussalam? Masjid Omar 'Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan dan Masjid Jame 'Asr Hassanal Bolkiah merupakan antara tempat lawatan yang sering menjadi destinasi lawatan kepada pelawat dan pelancong luar negara kerana masjid-masjid ini merupakan ikonik ketamadunan Islam Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, adalah penting bagi memastikan aktiviti lawatan di masjid-masjid berkenaan diadakan dengan mengambilkira objektif dan kesan kepada perintah dan hukuman syarak.

Dengan ini, kaola sukacita mencadangkan agar masjid-masjid berkenaan disediakan denganjuru pandu masjid dalam kalangan pegawai masjid atau belia-belia masjid yang cukup terlatih dan berkemahiran. Ini termasuklah kemahiran di dalam pengusahaan pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Inggeris dan seumpamanya. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

وَبِاللهِ التوفيقُ وَالهُدَىٰ وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian,

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** ﷺ sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang sebentar tadi menyentuh mengenai pelancongan Islam. Sungguh menarik.

Sudah dikatakan tadi bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama menyokong usaha-usaha *MPRT* dalam pengembangan dari segi pelancongan Islam seperti apa yang kaola sebutkan tadi. Di sini Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman ingin tahu apakah standard syariah Brunei?

Jadi, kaola akan membuat jawapan kaola dengan mengarang sendiri ataupun dalam bahasa klasik Brunei ‘merangai-rangai’. Tetapi pada dasarnya, kitani mengetahui standard syariah bagi Brunei itu jelas tapi apakah ia sudah terkandung ataupun termaktub sebagai suatu formula atau SOP yang sudah ada?

Itu satu perkara. Kalau ia memang diperlukan, maka akan difikirkan bagaimana caranya. Tetapi, ‘kitani’ mesti berfikir tidak boleh mengolahkan yang ia mesti diadakan sehingga ia menyusahkan kalau orang akan membuat di rumah, restoran dan sebagainya. Restoran sudah ada SOP mengenai kehalalannya.

Semua perkara ini sudah ditentukan oleh pihak *MPRT*. Kaola masih ingat lagi semasa kaola di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu, untuk mendapatkan pengiktirafan kepada beberapa rumah yang dijadikan inap

desa atau inap rumah. Jadi, pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak *MPRT* pada masa itu tidak mencapai standard rumah inap yang boleh dikatakan dalam standard *ASEAN*, jadi ia perlu lagi dipertingkatkan.

Pada masa dulu, tumbuh di mana-mana hatta Sungai Pandaruan. Jadi, standard tersebut tidak dapat ditetapkan. Dari segi keselamatan, walaupun ia syariah tetapi boleh dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan seperti *MPRT*, Jabatan Daerah dan sebagainya.

Jadi, kaola rasa mengenai apakah standard syariah Brunei itu? Kita ambil sahaja secara umumnya kita mengikut aturan-aturan yang berjalan pada masa ini.

Dari segi restoran, kalau restoran Islam ada SOP tertentu. Hotel-hotel sudah pun diketahui bahawa ia menyediakan tikar sembahyang untuk orang-orang Islam sembahyang. Kalau orang bukan Islam pun, ada keperluan lain yang boleh ia tertarik mengenai Islam itu.

Jadi, lawatan masjid supaya dipastikan mematuhi syariah, kalau memakai pakaian yang tidak serasi dengan keadaan memasuki masjid, sama ada lelaki atau perempuan, ada disediakan untuk menutup pakaianya yang sedia ada dan mereka boleh berkeliling masuk ke dalam kawasan masjid dan kawasan-kawasan yang dibenarkan.

Kalau diadakan jurupandu adalah satu cadangan yang baik jika dapat

dilaksanakan dan juga boleh memberikan peluang pekerjaan.

Jurupandu jika di masjid, memberikan pekerjaan dan jika tidak cukup jurupandu pelancong atau jurupandu syarikat-syarikat pelancongan yang memerlukan yang *Islamic background* dapat memberikan peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan graduan ugama seperti Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) adalah lebih baik. Tapi biarlah ia diserapkan ke dalam usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh syarikat-syarikat.

Keperluan bahasa itu memang *standard*, keperluan berbahasa asing daripada bahasa melayu memang sudah *standard*. Itu dilakukan oleh pihaknya dan tidak perlu diminta bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengaturnya. Pihak tertentu memerlukan lantikan bagi orang yang fasih berbahasa arab. Ini terlampau *high-handed* benar ‘kitani’ dalam menguruskan orang ramai. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menambah penerangan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Abiskaola akan menambahkan sahaja berkenaan dengan pemandu-pemandu

pelancong ini. Jabatan Kemajuan Pelancongan ada mengungkayahkan latihan-latihan bagi jurupandu pelancongan bukan sahaja dari syarikat-syarikat pelancongan, jika sekiranya terdapat agensi pertubuhan atau pusat-pusat seperti masjid mengadakan jurupandu sendiri, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan boleh menolong membantu dalam perkara ini. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi ini.

Dengan adanya jurupandu nanti dapat mensupplement jurupandu yang sedia ada. ‘Barangkali’ boleh dapat *specialise* dalam bahagian ugama. ﷺ pada masa ini, seperti di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah ada mengadakan *short training* dengan jurupandu daripada syarikat pelancongan yang diadakan bersama untuk memastikan maksud dan penyampaian apa yang terkandung dalam Balai Khazanah dapat disampaikan kepada pelancong-pelancong dengan baik dan lebih menarik kepada pelancong. ﷺ pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membantu dengan inisiatif ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga kepada Ahli Yang Berhormat lain yang telah memberikan keterangan mengenai dengan soalan yang telah ditimbulkan. Saya berpendapat cukuplah sekian kita berunding mengenai perkara ini. Ada baiknya Mesyuarat

Jawatankuasa ini, kita tangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula dalam peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Majlis Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan persidangan kita ini ditangguhkan dulu dan kita akan menyambungnya bersidang semula pada esok hari, hari Khamis 7 Mac 2024 mulai pada pukul 2.00 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**